

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1993/94

Oktober/November 1993

PLG 414 - Kaedah Mengajar Bahasa Melayu II

Masa : [2 jam]

Calon-calon perlu menjawab **TIGA** soalan semuanya. Jawab **SOALAN NO. 1** dan mana-mana **DUA** soalan lain.

1. Bacaan dan pemahaman merupakan suatu proses mental yang kompleks. Kemahiran ini bukan hanya setakat membaca apa yang tersurat tetapi juga memahami apa yang tersirat. Bincangkan beberapa tahap atau peringkat pemahaman yang seharusnya dikuasai oleh murid-murid sekolah menengah dan tunjukkan bagaimana anda dapat membantu mereka menguasai kemahiran ini.

[40 markah]

2. Pengajaran lisan sering diabaikan. Bincang dan huraikan bagaimana anda dapat menjadikan pelajaran lisan suatu yang berkesan. Perbincangan anda haruslah berteraskan kepada teori-teori tertentu mengenai pembelajaran bahasa.

[30 markah]

3. Apakah yang anda faham mengenai penggunaan teks dalam pengajaran menulis karangan. Huraikan konsep berkenaan dengan merujuk kepada contoh-contoh khusus.

[30 markah]

....2/-

4. Pendidikan Bahasa Melayu dalam KBSM bukan hanya menekan kepada memupuk kemahiran-kemahiran asas berbahasa tetapi melangkaui kepada berbagai aspek lain yang lebih luas. Bincangkan apakah aspek-aspek tersebut dan kepentingannya dalam pembentukan individu yang seimbang daripada segi Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek.

[30 markah]

5. Bincangkan objektif-objektif penggunaan bahan sastera dalam pengajaran Bahasa Melayu peringkat sekolah menengah. Pilih sebuah bahan sastera dan tunjukkan bagaimana anda dapat menggunakannya untuk mencapai objektif-objektif berkenaan.

[30 markah]

--- oooo000oooo ---